Hukum dan Syarat-syarat
Bersalin dengan Lelaki

Ibnu Anas al-Kutawi

Pergaulan antara jantina adalah antara perkara yang menjadi perhatian yang serius oleh Islam. Sesuai dengan fitrah manusia yang bertamadun, batas-batas dan tatacara pergaulan dituntun dengan rapi supaya sifat kemanusiaan manusia yang memiliki sistem kekeluargaan dan kasih sayang dikekalkan.

Tidak sama seperti yang digagaskan oleh beberapa ajaran buatan manusia yang sesat lagi menyesatkan. Mereka cuba merobohkan segala pemisah antara lelaki dengan perempuan sehingga runtuh sifat malu yang menjadi fitrah manusia yang akhirnya manusia menjadi lebih dahsyat daripada binatang kerana tidak ada lagi perkahwinan. Nafsu dapat dilepaskan kepada sesiapa sahaja tanpa ikatan termasuklah kepada ahli keluarga sendiri. - secara rela atau paksa.

Anak-anak tidak tahu siapa ayahnya. Tidak sempat menjenguk dunia, di dalam kandungan lagi sudah dibunuh. Perasaan cemburu lenyap. Tenang sahaja melihat pasangan hidup mati sendiri dinodai rakan sendiri. Malah, sudah menjadi amalan biasa sekawanan jantan membuntingkan seorang betina secara berjemaah. Tidak cukup dengan itu, dipertontonkan pula kepada umum. Kalimah 'malu' tinggal sebagai perkataan di dalam kamus-kamus tanpa difahami maksudnya lagi. Inilah citra hidup yang diidam-idamkan syaitan; jin dan manusia.

Islam tidak sesekali meredai semua itu. Dengan penuh santun disertai ketegasan pada sesetengah waktunya, diajarkan kitab muamalat antara jantina - lebih tepat lagi: antara manusia. Diterangkan bahawa faraj itu hanya halal apabila wujud akad perkahwinan dan perhambaan. Tidak semua pula boleh dijadikan isteri atau sahaya. Ibu, ibu saudara, anak, saudara, dan ibu saudara tidak boleh diperisterikan selama-lamanya kerana mereka adalah keluarga sendiri yang berhak disayangi tanpa sebarang ikatan baharu. Adapun perempuan selain mereka terlalu ramai. Tidak boleh menganggap mereka seperti barang-barang yang dijual di pasar, tidak boleh dijual beli sesuka hati. Pilih empat sahaja, dengan lafaz ijab kabul sebagai peneman hidup - bukan hamba - jadikan ia teman hidup.

Demikianlah Islam mengatur hidup. Cukup indah.

Sebenarnya, peraturan perhubungan antara jantina tidak terhad kepada soal perkahwinan semata-mata. Mustahil lelaki yang normal dapat bertahan daripada tidak menyetubuhi wanita setelah saban waktu melihat dada, perut, dan paha mereka. Perempuan pun, apabila sudah terbiasa mengadakan pameran tubuh, rasanya tidak menolak untuk menghadiahkannya secara percuma atau berbayar kepada peserta. Untuk itu, Islam mengadakan fasal khas untuk menghalang bahaya ini iaitu fasal aurat.

Had-had aurat antara jantina sebagaimana kefahaman umum meratai seluruh tubuh perempuan kecuali muka dan tangan bagi perempuan dan antara pusat dan lutut bagi lelaki. Jadi, haram mendedahkan mana-mana bahagian tersebut kepada jantina lawan - bukan *maḥram*. Dari situ, timbul persoalan semasa kerana orang yang menguruskan wanita bersalin pasti akan melihat sebahagian besar aurat wanita bersalin; adakah wanita dibenarkan bersalin dengan lelaki - bukan suami?

***

Sudah tentu jawapannya, tidak. Tetapi, bagaimana pula sekiranya dalam keadaan darurat sehingga memaksa lelaki membidani seorang wanita? Kalau dalam situasi tersebut, pasti hukumnya menjadi harus malah wajib. Hal ini kerana darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang.

Apabila memperkatakan darurat, ramai yang tidak faham atau buat-buat tidak faham. Inilah yang menyebabkan mereka mengambil langkah mudah dengan membiarkan diri mereka dihadapkan di hadapan doktor-doktor lelaki untuk bersalin tanpa sebarang usaha pencegahan. Akhirnya, hukum asal haram itu tidak lagi diendahkan. Adanya seperti tiada.

Sebenarnya, keharusan bersalin dengan bantuan lelaki terikat dengan dua syarat penting. Pertama, persalinan tersebut memerlukan bantuan daripadanya. Kedua, tidak ada perempuan yang dapat menggantikan tempat lelaki tersebut.

Syarat pertama memberi maksud, wanita tidak boleh bersalin dengan lelaki sekiranya persalinan tersebut tidak memerlukan campur tangannya sama ada kerana boleh bersalin sendiri atau pertolongan daripada wanita-wanita lain sudah memadai atau. Ini bermakna, sekiranya seorang wanita masuk ke dalam bilik bersalin dan setelah diperiksa oleh jururawat, didapati peratusan untuk berjaya melahirkan kandungan tanpa memerlukan bantuan doktor lelaki itu tinggi, maka ia tidak dibenarkan masuk. Kesimpulannya, selagi tidak diperlukan, lelaki tidak dibenarkan terlibat.

Syarat kedua pula bererti, kewujudan mana-mana perempuan yang dapat membantu proses persalinan tanpa bantuan lelaki sudah menggugurkan hukum harus tadi. Hal ini disebabkan apabila asal sudah wujud maka pengganti seakan-akan tidak wujud. Dalam kes ini, asal iaitu perempuan yang berkenaan sudah ada maka pengganti iaitu lelaki yang berkenaan dikira tidak ada. Sama seperti bertayamum dengan tanah sedangkan air ada dan mampu digunakan, hukumnya tidak harus dan tidak sah.

Di sini mula muncul pertanyaan tentang keadaan wanita yang mampu menangguhkan kelahiran semata-mata menunggu kedatangan perempuan yang selayaknya dengan kepastian tanpa menggunakan sesuatu yang memudaratkan, adakah harus baginya bersalin dengan bantuan lelaki tanpa menangguhkannya? Keadaan ini sama dengan solat yang dilakukan dengan tayamum pada awal waktu dalam keyakinan mampu untuk solat dengan taharah yang sempurna pada akhir waktu, hukumnya di sisi mazhab Shāfi'ī adalah *mustaḥabb*.[1] Demikian juga dengan masalah ini.

***

[1] Lihat: Muḥammad al-Zuḥaylī (1431 H), *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, Damsyik: Dār al-Qalam, jil. 1, hal. 109.

Dua syarat di atas adalah syarat keharusan lelaki membidani wanita - bukan *maḥram*. Sekiranya kedua-dua syarat ini dipenuhi, hukumnya menjadi harus. Tetapi, adakah ini bermakna lelaki dan wanita bersalin tersebut boleh berdua-duaan di dalam bilik bersalin tanpa ditemani sesiapa? Tidak, tetapi ini hanyalah syarat tambahan dalam keadaan terdapat orang lain yang dapat menemani mereka. Dikatakan sebagai syarat tambahan kerana jika dikatakan syarat utama, sekiranya ditakdirkan mereka berdua terperangkap dalam satu-satu tempat tanpa orang lain, bermakna si lelaki tidak dibenarkan membantu wanita tersebut bersalin walau apa pun yang berlaku. Ini mustahil.

Namun begitu, orang yang menemani mereka berdua tidak seperti dalam kes rawatan biasa. Dalam kes berkenaan, mana-mana perempuan atau lelaki *maḥram* boleh menjadi peneman berbeza dengan kes persalinan. Hal ini demikian kerana bersalin memerlukan wanita memperlihatkan tempat sulit yang merupakan aurat yang tidak dapat dilihat oleh selain suami walaupun *maḥram* sekalipun.

Barangkali akan timbul persoalan kerana bagi selain suami, bahagian sulit wanita bersalin adalah aurat. Jadi, apabila perempuan lain diizinkan untuk melihat aurat tersebut, mengapa lelaki dihalang padahal mereka semuanya sama. Sama-sama tidak dapat melihatnya ketika waktu biasa, maka waktu bersalin sepatutnya mereka semua dibenarkan sama. Tidak ada yang lebih dalam hal ini.

Sebenarnya, ini *qiyās ma' al-fāriq* kerana aurat perempuan dengan perempuan lebih kecil daripada aurat perempuan dengan lelaki. Ketika waktu biasa, perempuan dapat melihat kepala, lengan, dan paha sesama mereka, tetapi tidak bagi lelaki. Tidak masuk akal, seorang yang tidak dibenarkan melihat sehelai pun rambut wanita bersalin tiba-tiba dibenarkan melihat kemaluannya dan didahulukan pula daripada orang yang memang

dibolehkan melihat kepala, lengan, dan pahanya. Sungguh, tidak masuk akal.

Akan tetapi, bagaimana pula dengan lelaki *maḥram*; bukankah mereka sama seperti perempuan, mengapa mereka dikemudiankan? Jawapannya mudah, lelaki walaupun *maḥram* tidak sama dengan perempuan walaupun bukan kerabat. Hal ini demikian kerana perempuan lebih malu untuk menunjukkan aurat besarnya kepada lelaki daripada kepada sesama perempuan. Ini fitrah apatah lagi sedia maklum bahawa manusia yang normal tidak akan mempunyai perasaan kepada sesama jenis; sedangkan *'ibrah* itu menurut kebiasaan.

Ini bertepatan dengan pendapat Imam al-Bulqīnī (805 H) yang mendahulukan perempuan bukan Islam daripada lelaki Islam yang *maḥram* dalam perawatan walaupun pada asalnya Islam didahulukan daripada bukan Islam.[2] Sementara itu, apa yang dipilih oleh Khatib al-Shirbīnī (977 H) berupa mendahulukan *maḥram* daripada perempuan bukan Islam [3] dianggap memaksudkan keadaan biasa yang tidak melibatkan bahagian sulit.

***

Semua yang dinyatakan ini adalah bagi keadaan wanita bersalin berada berdua-duaan dengan bidan lelaki. Apabila terdapat orang ketiga yang berada di samping mereka kerana keperluan seperti jururawat pembantu misalnya, adakah masih memerlukan peneman? Persoalan ini memang wajar dibincangkan kerana kewujudan peneman hanyalah untuk mengelakkan khalwat. Pemilihan peneman pula dilakukan untuk mengelakkan orang yang tidak sepatutnya melihat aurat wanita bersalin. Apabila sudah wujud dua orang bersamanya dan pada masa yang sama

---

[2] Lihat: Khatib al-Shirbīnī; *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj* (1418 H); Beirut: Dār al-Ma'rifah; jil. 3, hal. 180.
[3] *Ibid*.

mereka diizinkan melihat aurat tersebut, mengapa memerlukan peneman lagi, bukankah orang ketiga sudah memadai sebagai peneman?

Dalam hal ini, terdapat kesamaran yang meliputi permasalahan. Sejujurnya dijawab: benar, tidak memerlukan peneman lagi kerana *'illah* sudah hilang. Namun begitu, suami tetap diharuskan berada dalam bilik persalinan melihat isterinya bersalin kerana isteri tidak mempunyai aurat di hadapannya. Bahkan, ia digalakkan melakukannya sebagai sokongan psikologi kepada isteri. Dalam keadaan kurang keyakinan terdapat keselamatan wanita disebabkan orang-orang yang menguruskan urusan persalinan itu kurang dipercayai pula, orang-orang yang berkenaan diharuskan menghadiri upacara perbidanan. Ini kerana wujud kemaslahatan dan darurat.

***

Bersempena dengan tema ini, muncul satu pertanyaan. Apakah harus seorang wanita dibidani oleh perempuan lain sedangkan suaminya sendiri mampu?

Disebabkan masalah ini mirip dengan masalah memandikan jenazah, seafdalnya jawapan kepada persoalan ini dirujuk kepadanya. Dalam masalah tersebut, harus bagi perempuan lain memandikan jenazah si isteri walaupun tanpa sebarang kemaslahatan atau darurat.

Bahkan, dari segi *afḍaliyyah* pula, perempuan didahulukan daripada lelaki *maḥram* hatta daripada suami sendiri. Alasannya, perempuan lebih sesuai untuk dimandikan oleh perempuan. Demikian menurut mazhab Shāfi'ī.[4] Sebenarnya, pandangan mazhab dalam masalah ini tidak benar kerana suami adalah orang yang paling berhak untuk menguruskan jenazah isteri

---

[4] Lihat: Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, *op. cit*, hal. 605.

sebagaimana isteri adalah orang yang paling layak menyelenggarakan jenazah suami.[5]

Jadi, hukumnya adalah harus tetapi yang lebih aula adalah sebaliknya. Hukum harus ini tidak lain tidak bukan kerana *ittibā'*. Akal sepintas lalu mengatakan, tidak boleh. Sebabnya, apabila suami menyerahkan tugasan memandikan jenazah dan perbidanan kepada wanita lain, bererti ia telah membenarkan orang yang sebenarnya haram melihat atau menyentuh bahagian sulit isterinya - sama ada berlapik atau tidak - tanpa sebarang darurat. Tetapi, inilah syariat - sekiranya benar *qiyās* yang dilakukan.

Sesungguhnya, Allah yang lebih tahu hikmahnya.

***

Daripada situ, timbul kemusykilan baharu: mengapa pula perempuan lain tetap diharamkan menemani si isteri bersalin dengan lelaki lain walhal dalam masa yang sama ia boleh menggantikan tempat suami menjadi bidan?

Jawapannya, *qiyās* ini tidak kena kerana *qiyās* mestilah merujuk asal bukan furuk. Asal adalah memandikan jenazah. Wujud perbezaan ketara antara perempuan yang memandikan jenazah wanita dengan perempuan yang menjadi peneman wanita bersalin.

Hujahnya, pemandian jenazah boleh dilakukan tanpa mendedahkan kemaluan - walaupun terpaksa menyentuhnya. Maka, pemandi jenazah tidak melihat aurat, berbeza dengan peneman. Selain itu, pemandian

---

[5] Menurut Pusat Fatwa Islam Web: ... oleh itu, harus bagi perempuan untuk mewasiatkan suami supaya memandikannya dan supaya tidak ada sesiapapun yang melihat dirinya selain suaminya sebagaimana wasiat penghulu semua wanita, Fāṭimah RA. Barangkali inilah yang paling afdal sebagaimana kata Ibn 'Abbās dan sebagaimana kata 'Ā'ishah: sekiranya apa yang aku tahu sekarang ini aku tahu ketika waktu itu, pasti tidak akan memandikan baginda melainkan isteri-isterinya...

jenazah lebih terpelihara daripada syahwat ditambah pula dengan suasana yang suram maka tidak memerlukan syarat-syarat yang ketat.

Pada masa yang sama, jenazah itu sendiri tidak lagi bernyawa dan tidak mempunyai perasaan malu seperti seorang yang masih hidup. Wanita bersalin pasti akan malu apabila berhadapan semula dengan peneman; tidak pula jenazah. Tambahan pula, orang yang memandikan jenazah terlibat secara langsung dalam proses pemandian tetapi peneman perbidanan tidak. Ini membuka ruang baginya memerhatikan aurat dan berkhayal mengenainya.

Kesimpulannya di sini, hukum dalam masalah memandikan jenazah tidak boleh diserapkan ke dalam masalah penemanan wanita bersalin kerana kedua-dua masalah saling berbeza. Baiklah, seandainya alasan-alasan dan kesimpulan ini tidak dapat diterima, apakah yang hendak dikatakan apabila seorang pesakit perempuan berjumpa doktor lelaki untuk menjalani pemeriksaan faraj, adakah boleh ia ditemani oleh rakan perempuannya sedangkan suaminya ada bersama? Sudah tentu tidak.

Akhirulkalam, sekiranya ada masih keraguan dan *qiyās* tadi tetap dipertahankan, sukalah untuk ditegaskan bahawa hanya satu cara untuk mengesahkan kesalahan pendapat yang disebut iaitu mengemukakan satu riwayat yang menunjukkan seorang perempuan pernah menemani seorang lelaki ajnabi memandikan jenazah seorang wanita. Ini barulah asal yang tepat bagi *qiyās* sebegini. Tetapi persoalannya, wujudkah riwayat tersebut?

***

Seperkara yang amat mustahak untuk difahami, keizinan kepada selain suami menjadi peneman bukanlah kebenaran untuk memandang kepada aurat wanita bersalin. Mereka tetap diwajibkan untuk memelihara pandangan semampunya. Selain itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian berupa syarat-syarat tambahan yang tidak disebutkan kerana tidak khusus dalam keadaan yang dibincangkan sahaja, malah

keadaan biasa iaitu bersalin dengan perempuan sendiri. Antaranya, bahagian tubuh yang boleh didedahkan semasa bersalin tidak boleh melebihi kadar keperluan serta orang-orang yang terlibat perlu menjaga rahsia dan sedaya upaya menutup keaiban tubuh badan wanita tersebut.

***

Semoga tidak disalahfahamkan bahawa darurat ini walaupun benar-benar berlaku tidaklah bermakna tidak salah wanita bersalin serta orang-orang yang menguruskannya untuk berpeluk tubuh tidak berusaha sama sekali untuk mengelakkan darurat ini terjadi. Mereka wajib melakukan persediaan awal dengan mencari bidan perempuan dan memastikan agar bidan wanita itu bersedia untuk menguruskan kelahiran pada masa-masa yang dijangkakan. Sekiranya tidak mampu kerana bebanan yang tinggi seperti kos yang agak mahal serta jarak perjalanan yang jauh, ketika ini - insya-Allah - diperbolehkan dan urusannya diserahkan kepada Allah. Dialah yang mengetahui adakah hamba-Nya ini benar-benar telah benar-benar berusaha atau hanya berpura-pura.

***

Sebenarnya, apa yang dihuraikan ini tidak bercanggah dengan fatwa-fatwa ulama. Mereka semua bersepakat tidak membolehkan lelaki menguruskan wanita bersalin kecuali dalam keadaan darurat. Antaranya, Syeikh ʼAbd al-ʼAzīz bin ʼAbd Allāh bin Bāz (1420 H), mufti kerajaan Arab Saudi. Dalam salah satu fatwanya, beliau menyebutkan:

> ... Sekiranya terdapat keperluan dan darurat untuk itu, maka tidak mengapa. Jika tidak, wajib untuk tidak dibidani kecuali oleh perempuan. Maka, tidak ada keperluan untuk perbidanan kerana manusia telah melalui zaman yang panjang tanpa memerlukan perbidanan oleh doktor dan wanita bersalin di rumahnya. Alhamdulillah.

> Tetapi, sekiranya ditakuti atau dibimbangi akan keselamatannya, maka perbidanan oleh lelaki tidak menjadi masalah ketika perlu.[6]

Jawatankuasa Tetap Kajian Ilmiah dan Fatwa Arab Saudi dalam satu fatwa yang dipengerusikan oleh Syeikh Ibn Bāz sendiri dan dianggotai oleh Syeikh Bakr bin ’Abd Allāh Abū Zayd (1429 H), Syeikh ’Abd al-’Azīz bin ’Abd Allāh Ālu Shaykh, dan Syeikh Ṣāliḥ bin Fawzān al-Fawzān memutuskan bahawa:

> Doktor lelaki tidak diharuskan menguruskan perbidanan wanita kecuali ketika darurat kerana bimbang akan nyawa wanita tersebut sedangkan di sana tidak ada doktor daripada perempuan yang dapat membidaninya.[7]

Syeikh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1420 H), ulama hadis dari Syria yang begitu masyhur juga pernah ditanyakan tentang persoalan yang sedang dibincangkan ini. Jawab beliau:

> ... Apabila wanita terdesak untuk dimasukkan ke hospital, sewajibnya orang yang menguruskan persalinan itu bukan doktor lelaki. Jika tidak ada, maka tidak mengapa. Malah, wajib sekiranya dalam keadaan yang kritikal, doktor lelaki itu membidaninya selagi doktor perempuan tidak ada...
>
> ... Maka sekiranya wanita itu mampu untuk bersalin di rumah, tidak harus baginya pergi ke hospital. Jika terpaksa seperti tidak ada bidan yang dapat menguruskannya, semestinya ia dibidani doktor perempuan. Jika tidak ada, barulah doktor lelaki...[8]

---

[6] http://www.binbaz.org.sa/mat/19934

[7] http://www.alifta.net/Fatawa/FatawaChapters.aspx?View=Page&PageID=239&PageNo=1&BookID=16

[8] Rujuk: ’Amr ’Abd al-Mun’im Salīm (1427 H), *al-Masā‘il al-’Ilmiyyah wa al-Fatāwā al-Shar’iyyah Fatāwā al-Shaykh al-’Allāmah Muḥammad bin Nāṣir al-Dīn al-Albānī fī al-Madīnah wa al-Imārāt*, Mesir: Dār al-Ḍiyā‘, hal. 262-264.

Tokoh ulama fikah terkemuka abad ini, Syeikh Wahbah al-Zuḥaylī juga mengemukakan perkara yang sama. Ujarnya dalam salah satu fatwa berkaitan:

> ... Selepas keluar (daripada institusi pengajian berkenaan), sekiranya terdapat di sana (negara kamu) perempuan-perempuan yang menjalankan tugas ini, maka tidak harus bagi wanita yang ingin bersalin pergi untuk dirawat oleh doktor lelaki dan tidak juga bagi doktor lelaki tersebut memandang aurat wanita kecuali apabila darurat atau perempuan lain tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi. Hal ini demikian kerana pandangan jantina yang sama terhadap sesama mereka keburukan atau bahayanya lebih sedikit. Atau, lebih jauh daripada fitnah orang serta lebih selamat bagi jiwa di sisi agama.[9]

Berkenaan hal ini juga, pihak Pusat Fatwa Islam Web yang menjadi rujukan pengguna-pengguna Internet di benua Arab merumuskan:

> Dari segi perbidanan wanita oleh doktor lelaki, ini tidak harus kecuali dalam keadaan darurat yang dapat mengharuskan perkara yang dilarang seperti keadaan wanita tersebut memerlukan kewujudan doktor sedangkan yang ada hanyalah doktor lelaki atau doktor perempuan ada tetapi tidak mampu menguruskan keadaan seperti itu sehingga dibimbangkan dapat membahayakan wanita berkenaan...
>
> Sesungguhnya telah diketahui bahawa persalinan wanita berbeza dari segi mudah dan sukar, serta selamat dan bahayanya. Jadi, semestinya masalah ini diukur mengikut ukurannya yang sebenar. Oleh sebab itu, tidak boleh

[9] http://www.fikr.com/zuhayli/fatawa_p15.htm#1.

> berpindah daripada hukum asalnya sebagai haram kecuali ketika darurat yang muktabar...[10]

Syeikh ’Abd Allāh bin ’Abd al-Raḥmān al-Jibrīn (1430 H) pula tampil dengan mengulas panjang isu ini dengan kenyataan yang seolah-olah mengharamkan lelaki menguruskan wanita bersalin kerana baginya wanita boleh bersalin sendiri. Jelasnya:

> Ketahuilah bahawa kelahiran adalah perkara semula jadi yang wujud sejak Allah menciptakan manusia. Para wanita terus-menerus beranak dan sebahagiannya tidak perlu kepada bidan. Banyak kali wanita melahirkan dan meletakkan anaknya bersamanya tanpa sebarang masyakah...
>
> Oleh itu, tidak harus bagi lelaki ajnabi untuk membidani wanita sehingga ia perlu membuka aurat, memandang kemaluan, menyentuh kulit wanita tersebut seperti perut dan kemaluannya. Tidak syak lagi bahawa ini tidak dibenarkan kecuali kerana darurat dan tidak ada darurat di sini. Alhamdulillah.[11]

Demikian pandangan ulama-ulama dunia dalam masalah ini. Di Malaysia, terdapat beberapa cendekiawan tempatan yang menyuarakan dan memperjuangkan supaya syariat Islam dalam masalah ini ditegakkan. Antaranya, Dr. Zaharuddin Abd. Rahman yang menegaskan bahawa lelaki yang ‘membiarkan isterinya bersalin dengan dibidani oleh doktor lelaki tanpa terdesak dan keperluan yang tiada pilihan’ sebagai dayus.[12]

Tidak cukup dengan itu, Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri yang menganggotai Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Terengganu, mengemukakan

---

[10] http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=129162.

[11] http://www.ibn-jebreen.com/books/6-70-4597-4145-.html.

[12] Lihat: http://zaharuddin.net/lelaki-&-wanita/546-siapa-lelaki-dayus-menurut-islam-.html.

cadangan secara umum kepada kerajaan Malaysia untuk melaksanakan tuntutan ini. Katanya:

> Masa kini tidak logik lagi sekiranya masalah sambut bayi tidak boleh diberikan tugasan kepada doktor wanita sepenuhnya sebab doktor wanita dah ramai di bahagian perbidanan.[13]

***

Apabila selok-belok hukum ini dihadamkan dengan baik, yang tinggal hanyalah pengamalan dalam kehidupan. Mereka yang berwajib sememangnya wajib memastikan hukum-hakam Islam dapat dilaksanakan. Jika tidak, mereka perlu bertanggungjawab di hadapan Allah kerana melalaikan amanah yang digantung di bahu-bahu mereka. Wallahualam.

Sekian.

---

[13] http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/19615-tidak-logik-lagi-doktor-lelaki-sambut-bayi.